

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 14/04/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 18



Abdul Fattah (dua, kiri) bersalaman dengan Niu Xiangdong (dua, kanan) ketika menerima kunjungan delegasi dari Lanzhou, China di Wisma Ungku A Aziz, semalam.

ACO, Lanzhou bincang hab halal

SINAR
14/4/2017 MS 18

ASEAN Co-operative Organization (ACO) menerima kunjungan rasmi dari Ketua Jawatankuasa Pentadbiran Lanzhou, Niu Xiangdong di Wisma Ungku A Aziz, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kunjungan rasmi berkenaan bertujuan membincangkan perjanjian ACO dan Gunung Corporate Consultant Sdn Bhd bagi sewaan di 'Lanzhou New Area Free Trade Zone' di China sebagai hab halal untuk pemprosesan dan pembungkusan produk.

"Perjanjian sewaan ini merupakan sa-

lah satu usaha bagi memperkenalkan produk koperasi dari Malaysia dan juga koperasi negara Asean lain ke negara China.

"Ruang sewaan akan bertempat di Asean Pavilion seluas 5,000 kaki persegi yang menumpukan kepada pengilangan dan pameran produk halal," ujarnya.

Katanya, kawasan perdagangan bebas Lanzhou dijangka dapat mempromosi produk koperasi negara Asean yang merupakan ahli ACO ke pasaran antarabangsa.

"Sewaan ini adalah percuma untuk tempoh dua tahun dan separuh harga untuk tiga tahun seterusnya," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia